




SAFETY ALERT




JKKP/DOSH

**KES KEMALANGAN KREN
MENARA HAMMERHEAD TOPLESS**



Rajah 1: Herotan yang terdapat pada Hook Block (petak kuning).



Rajah 2: Hoisting Limit Switch (warna kuning) pada hoisting Drum.

Satu kes kemalangan maut telah berlaku pada 11 Julai 2017 lebih kurang jam 8.30 pagi di tapak pembinaan di Tanjung Kupang, Johor Bahru yang melibatkan kren menara jenis Hammerhead Topless. Hoisting Rope telah terputus semasa kerja-kerja mengangkat bateri walkie-talkie (beban) untuk kegunaan operater kren. Hook Block dan beban telah jatuh dan menimpa seorang mangsa. Siasatan di tempat kejadian mendapati terdapat herotan pada sheave dan badan hook block (raajah 1). *Safety Alert* ini dikeluarkan sebagai peringatan kepada semua operator kren menara dan pihak yang membuat pemasangan serta penyelenggaraan berkala terhadap kren menara. Hoisting rope merupakan komponen paling kritikal dalam kerja mengangkat beban. *Safety alert* ini memperincikan kepada pemeriksaan dan penyelenggaraan hoisting rope dan pelarasan *Hoisting Limit Switch* yang terdapat pada hoisting drum kren menara (rujuk rajah 2).

Pemunya bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan yang lengkap ke atas setiap komponen dengan kawalan dan seliaan Orang Yang Kompeten yang telah berdaftar dengan JKPP.

Perkara-perkara yang harus dititikberatkan adalah :

- i) *Hoisting Limit Switch* hendaklah di pastikan berfungsi dengan baik dan di laraskan mengikut spesifikasi rekabentuk pembuat kren.
- ii) Hoisting rope yang di gunakan hendaklah memenuhi spesifikasi rekabentuk pembuat kren
- iii) Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala hoisting rope dan semua pulley yang terdapat pada kren menara hendaklah di lakukan pada sela masa yang kerap
- iv) Operator kren hendaklah peka terhadap keadaan perubahan yang mungkin berlaku terhadap kren menara yang di kendalikanya